

**UCAPAN PERASMIAN
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**MESYUARAT AGUNG PERMULAAN
KOPERASI NATUROPATHIC APPROCH
SELANGOR BERHAD**

3 JULAI 2022 (AHAD)

11:00 PAGI

**DEWAN DATO' MOHD ALI BAHARUM,
ANGKASA**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

YBrs. Dr. Furisat Yahya
Pengerusi Penaja Koperasi

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]

Barisan Ahli Jawatamkuasa Penaja
Koperasi

Tuan-Tuan/Puan-Puan hadirin yang
dihormati sekalian

1. Syukur alhamdulillah dengan izin Allah S.W.T., dapat kita bersama-sama menjayakan Mesyuarat Agung Permulaan Koperasi Naturopathic Holistic Approach Selangor Berhad pada hari ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua yang hadir ke mesyuarat pada hari ini bagi menyempurnakan satu langkah penting bagi penubuhan koperasi ini.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana sudi menjemput saya merasmikan mesyuarat agung permulaan ini.

4. Alhamdulillah, penerimaan masyarakat kita terhadap koperasi semakin baik. Setiap tahun bilangan

koperasi sentiasa bertambah. Salah satu petandanya usaha tuan/puan semua untuk menubuhkan koperasi ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Koperasi adalah suatu pertubuhan yang bermatlamat untuk

meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya berdasarkan prinsip-prinsip koperasi. Koperasi bergerak atas sokongan anggotanya kerana ia dimiliki dan dikawal secara demokrasi oleh anggota serta anggotalah pelanggan utama koperasi.

6. Mana-mana kumpulan manusia yang bercadang untuk menubuhkan koperasi hendaklah terlebih dahulu berhubung dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kawasan masing-masing bagi sesi penerangan dan nasihat berhubung proses penubuhan dan pendaftaran koperasi.

Bagi koperasi yang telah mendapat kelulusan, Mesyuarat Agung Permulaan (MAP) hendaklah diadakan dalam tempoh tiga bulan selepas kelulusan penubuhan.

7. Saya dimaklumkan bahawa koperasi ini, dalam proses penubuhan

dan mesyuarat diadakan pada hari ini untuk mendapat persetujuan penubuhan koperasi bagi tujuan permohonan pendaftaran dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Jadi, koperasi ini berada di landasan yang betul dalam menetapkan objektif penubuhan koperasi selain

merencanakan aktivitas dan
perniagaan koperasi demi
kepentingan sosioekonomi
anggotanya.

8. Namun begitu, dalam
penubuhannya koperasi harus
memikirkan aktivitas/perniagaan yang

benar-benar mampu memberikan pulangan. Inilah cabaran yang perlu dihadapi bukan sahaja koperasi baharu ditubuhkan bahkan koperasi yang telah lama berada dalam gerakan koperasi negara. Ini bagi memastikan sejauh mana ketahanan dan kesinambungan (*sustainability*)

koperasi agar kekal berdaya saing dan relevan dalam arus perdana.

9. Untuk itu, koperasi harus berani berinovasi dalam perniagaan dan mengadaptasikan kemudahan teknologi memandangkan masyarakat hari ini semakin bergerak ke arah

pendigitalan dan lebih gemar membeli secara 'online' yang dilihat sebagai norma baharu masyarakat berbelanja. Kejayaan perniagaan secara atas talian seperti *e-business*, *e-dagang* dan lain-lain menjadi contoh terbaik kerana perniagaan internet ini amat popular

dan mampu memberikan pulangan yang lumayan.

Hadirin yang dihormati sekalian

10. Ingin saya tegaskan, bagi sesebuah koperasi yang baru ditubuhkan, setiap anggotanya harus

mengetahui aktivitas ekonomi yang hendak diceburi oleh koperasi. Maka di sinilah anggota perlu jelas dengan Prinsip Ketiga Koperasi yaitu Penglibatan Ekonomi oleh Anggota.

11. Masa depan koperasi bergantung kepada sejauhmana keberkesanan

anggota memainkan peranan masing-masing. Maju mundur sesebuah koperasi terletak pada sumbangan dan penyertaan anggotanya dalam setiap aktiviti yang dijalankan agar ada 'check and balance' dalam koperasi. Anggota perlu mempunyai sikap saling membantu, bekerjasama,

dan sayangkan koperasi serta sentiasa komited dan dedikasi menyumbang kepada kemajuan koperasi.

12. Kemajuan sesebuah koperasi bukan semata-mata terletak pada komitmen dan tanggungjawab yang dimainkan oleh anggota tetapi juga

pada barisan pengurusan koperasi. Pentadbiran koperasi haruslah dikendalikan Lembaga yang dilantik oleh anggota dalam Mesyuarat Agung. Untuk itu, Lembaga koperasi bertanggungjawab melaksanakan segala dasar yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Agung.

13. Koperasi perlu mempunyai kepemimpinan yang jujur, dinamik dan progresif dan mampu membawa koperasi ke tahap lebih tinggi dengan mengamalkan kaedah terbaik (*best practices*) dalam setiap aspek koperasi. Anggota berhak untuk memilih dan melantik pemimpin yang

dirasakan berkebolehan dan berwibawa untuk membawa koperasi ke peringkat seterusnya.

Hadirin yang dihormati sekalian

14. Untuk makluman semua, perangkaan koperasi Malaysia tahun

2021 dikeluarkan SKM menunjukkan jumlah keseluruhan koperasi adalah sebanyak 14,834 buah dengan jumlah keanggotaan lebih 7 juta orang, syer sebanyak RM16.54 bilion, aset RM154.98 bilion dengan perolehan sebanyak RM37.89 bilion.

15. Statistik ini menunjukkan sektor koperasi mampu memacu pertumbuhan sosioekonomi serta menjadi alternatif kepada rakyat untuk mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan setara yang disediakan oleh kerajaan. Sektor koperasi juga telah diiktiraf sebagai penyumbang

ketiga ekonomi negara selepas sektor kerajaan dan swasta.

16. Bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sektor koperasi, kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah memperkenalkan Pelan

Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025.

17. TransKoM menggariskan lima (5) bidang tujahan untuk mengatasi cabaran-cabaran utama yang dihadapi sektor koperasi, iaitu penerapan nilai kemakmuran

bersama, pemantapan sistem perundangan dan struktur governan, pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan, pembentukan persekitaran perniagaan yang mampan dan lestari serta pemerksaan badan induk dan sistem penyampaian

18. Jadi dalam memastikan TransKoM ini berjaya mencapai matlamatnya, ANGKASA sentiasa bekerjasama dengan kementerian serta agensi-agensi di bawahnya iaitu SKM dan Institut Koperasi Malaysia (IKM), supaya sektor koperasi berjaya melakukan transformasi menyeluruh

agar mampan dalam pembangunan sosioekonomi seiring zaman digitalisasi dan terus memberi sumbangan besar kepada KDNK negara.

19. Akhir kata, sekali lagi terima kasih kepada semua anggota yang hadir pada hari ini. Semoga mesyuarat

agung permulaan ini menjadi penanda aras bagi membantu barisan kepimpinan koperasi membuat perancangan terbaik dalam menentukan hala tuju masa depan dan menggerakkan koperasi ke arah produktif dan berdaya saing.

Dengan lafaz
Bismillahirrahmaanirrahim, saya
merasmikan Mesyuarat Agung
Permulaan Koperasi Naturopathiic
Holistic Approach Selangor Berhad.

Sekian, terima kasih.